



McDONALD'S MALAYSIA – PERADUAN ANAK MERDEKA 2023

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual Terma dan Syarat Peraduan.

| | |
|------------------------------------|--|
| 1. <u>Penganjur:</u> | GERBANG ALAF RESTAURANTS SDN. BHD (Company No. 198001011565 (65351-M)) ("McDonald's Malaysia") |
| 2. <u>Peraduan:</u> | Anak Merdeka |
| 3. <u>Tempoh Peraduan:</u> | Peraduan ini bermula pada jam 00:00:00 18/8/2023 dan akan berakhir pada jam 23:59:59 31/8/2023 (UTC + 08: 00) zon waktu Kuala Lumpur, Malaysia. |
| 4. <u>Syarat-syarat Peraduan:</u> | <p>Untuk menyertai Peraduan ini, peserta mestilah mematuhi perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Peraduan ini terbuka kepada semua individu pemastautin sah di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, dengan dokumen pengenalan diri yang sah dan alamat kediaman di Malaysia.2. McDonald's Malaysia berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.3. Kakitangan McDonald's Malaysia, keluarga terdekat mereka, anak syarikat, syarikat bersekutu, agensi berkaitan dan pembekal dan/atau orang yang tinggal dalam rumah yang sama tidak layak untuk menyertai Peraduan. |
| 5. <u>Cara-cara Penyertaan:</u> | <ol style="list-style-type: none">1. Untuk menyertai Peraduan, peserta dikehendaki untuk memiliki akaun Instagram yang berdaftar dan mesti menetapkan status privasi mereka kepada "Awam".2. Penyertaan tidak lengkap atau penyertaan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan akan terbatal secara automatik.3. Keputusan McDonald's Malaysia mengenai senarai pemenang adalah muktamad. Penganjur tidak akan melayan sebarang surat-menyurat atau rayuan selanjutnya. |
| 6. <u>Tarikh Akhir Penyertaan:</u> | <ol style="list-style-type: none">1. Semua Penyertaan mesti diterima oleh McDonald's Malaysia pada atau sebelum 23:59:59 pada 31/08/2023.2. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan terbatal secara automatik. |

| | |
|--|--|
| <p>7. Langkah-langkah Peraduan:</p> | <p>Langkah 1 Peserta dikehendaki menyiaran gambar dengan 'Anak Merdeka' — orang yang dilahirkan pada 31 Ogos — di akaun Instagram mereka, sama ada: <ol style="list-style-type: none"> 1. Siarkan gambar peserta, iaitu 'Anak Merdeka', sedang menikmati detik istimewa. <p>ATAU</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Siarkan gambar seseorang yang peserta kenali sedang menikmati detik istimewa dan orang tersebut mestilah 'Anak Merdeka'. <p>Langkah 2 Peserta berkongsi keistimewaan mereka dan/atau orang yang dicalonkan sebagai 'Anak Merdeka' dan mengapa ianya istimewa bagi mereka dalam kapsyen, dengan penerangan yang menarik.</p> <p>Langkah 3 Jiika peserta mencalonkan rakan atau ahli keluarga, peserta dikehendaki untuk tag mereka dalam gambar dengan memaparkan nama akaun Instagram mereka, dan tag @mcdonaldsmalaysia dengan hashtag #AnakMerdekaMcD. Peserta perlu memastikan bahawa profil Instagram individu yang dicalonkan ditetapkan kepada 'Awam' agar penyertaan dapat dilihat dan ditentukan sah.</p> <p>Langkah 4 31 penyertaan paling kreatif akan dipilih sebagai pemenang. Pemenang yang terpilih akan diumumkan di laman Instagram McDonald's Malaysia pada 2 September 2023.</p> <p>Sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau penyertaan yang tidak mematuhi langkah dan kriteria di atas tidak akan dianggap sebagai penyertaan Peraduan yang sah.</p> </p> |
| <p>8. Kriteria Pemenang:</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemenang akan ditentukan melalui Penyertaan yang sah sahaja dan dalam hal ini keputusan McDonald's Malaysia adalah muktamad dan konklusif. Pengajur akan mengambil kira semua faktor yang dianggap relevan yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada kriteria berikut:- <ol style="list-style-type: none"> a. Entri mestilah asli dan bukan salinan material, salinan atau pengeluaran semula entri lain; b. Penyertaan tidak menyinggung, menyalahi undang-undang, tidak menyentuh sensitiviti mana-mana segmen masyarakat, dsb. 2. McDonald's Malaysia akan memeriksa dan menapis setiap Penyertaan yang dihantar oleh peserta untuk memastikan pematuhan dengan keperluan di atas. McDonald's Malaysia berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk mengalih keluar, menolak atau membatalkan Penyertaan, pada bila-bila masa, jika didapati ianya melanggar |

| | |
|--|---|
| | mana-mana terma, undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan. |
| 9. <u>Hadiah:</u> | Setiap pemenang akan menerima satu (1) baucar bernilai RM500 untuk pakej Parties@McD atau Parties@Home. |
| 10. <u>Pengumuman Pemenang:</u> | <p>1. Pengumuman pemenang akan dibuat pada 31/08/2023 di akaun Instagram McDonald's Malaysia di bahagian 'Stories'.</p> <p>2. Pemenang yang layak (seperti yang dikenal pasti dengan nama dalam akaun Instagram mereka) hanya berhak mendapat satu (1) Hadiah bagi setiap pemenang. McDonald's Malaysia merizabkan haknya untuk menggantikan keseluruhan atau mana-mana bahagian Hadiah kemenangan dengan barang lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa notis terdahulu kepada peserta. Hadiah kemenangan adalah tidak boleh dipindah milik, dipindahkan atau ditukar oleh pemenang kepada apa jua bentuk dan dalam apa jua cara melainkan seperti yang dinyatakan oleh McDonald's Malaysia.</p> <p>3. Pengumuman pemenang akan disiar dan disenaraikan di akaun Instagram McDonald's Malaysia di bahagian 'Stories'. Pemenang mesti menghubungi McDonald's Malaysia melalui <i>Direct Message (DM)</i> di Instagram untuk menuntut hadiah mereka. Sekiranya tiada jawapan daripada pemenang sebelum 07/09/2023 (11:59:59), McDonald's Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang.</p> |
| 11. <u>Lain-Lain:</u> | <p>a) McDonald's Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada peserta terhadap sebarang masalah atau kesilapan teknikal rangkaian atau talian, peralatan komputer, perisian, kesesakan di Internet, dan lain-lain. Hal ini termasuk kepada sebarang kerosakan kepada komputer peserta, calon atau orang lain yang berkaitan dengan penyertaan Peraduan ini dalam memuat turun dan/atau memuatnaik mana-mana bahan berkaitan Peraduan ini, sekiranya ada.</p> <p>b) Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan ini adalah di bawah tanggungjawab penuh peserta.</p> <p>c) McDonald's Malaysia boleh mengecualikan tanggungjawabnya dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian kepada Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh sebarang situasi yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekecohan awam, rusuhan, perperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan negara, berlakunya sebarang wabak/wabak pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>d) McDonald's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana pemenang yang gagal menuntut hadiah kemenangan</p> |

| | |
|--|---|
| | <p>mereka dalam masa yang ditetapkan dan berhak sepenuhnya untuk menentukan cara mengendalikan hadiah yang tidak dituntut.</p> <p>e) McDonald's Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (iaitu perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengutip hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p> |
|--|---|

